

45/1  
Pendidikan Islam  
Peperiksaan Akhir Tahun  
2011  
Tingkatan 2  
2 jam



JABATAN PELAJARAN MELAKA

---

PENDIDIKAN ISLAM

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN  
TINGKATAN DUA

2 jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian. **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab satu soalan daripada Bahagian A dan semua soalan dalam Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas kjang.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

## Bahagian A

[20 markah]

Bahagian ini mengandungi **dua** soalan. Jawab **satu** soalan sahaja.

1. ( a ). Firman Allah SWT;

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا  
مِّنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا  
عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Surah Ali – Imran : 159

Ayat di atas menjelaskan tentang cara Rasulullah SAW berdakwah.

Berdasarkan ayat di atas,

- ( i ). باتاكن ففعرتين كلمة يغ بركاريس [ 2 markah ]
- ( ii ) Senaraikan **empat** cara berdakwah yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW selain “ bertawakal dalam pelaksanaan”. [ 4 markah ]
- ( iii ) Jelaskan **dua** hikmat tawakal dalam pelaksanaan keputusan bersama [ 4 markah ]
- ( b.) Sabda Rasulullah SAW;

عَنْ أَبِي بَكْرٍ الصِّدِّيقِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ ، عَنِ النَّبِيِّ ( ص ) قَالَ :

أَعْدُ عَالِمًا أَوْ مُتَعَلِّمًا أَوْ مُسْتَمِعًا أَوْ مُحِبًّا وَ لَا تُكُنْ الْحَامِسَةَ فَتُهْلِكَ

( رواه الطبراني )

Hadis di atas menyenaraikan golongan orang yang menuntut ilmu.

- ( i ) Berdasarkan hadis di atas, nyatakan **dua** golongan tersebut [ 2 markah ]
- ( ii ) Jelaskan **dua** cara untuk menuntut ilmu agama. [ 4 markah ]

(c). Tuliskan petikan di bawah menggunakan tulisan Jawi.

Umat Islam yang berna'wah ialah umat yang memiliki jati diri dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.

[4 markah]

2. (a) Firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ  
وَدَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُّصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

Surah Al – Baqarah :155 – 156

Ayat di atas menjelaskan ujian – ujian yang diturunkan oleh Allah kepada manusia.

( i ). باتاكن فغرتين كلمة يغ بركاريس [ 2 markah ]

( ii ) Senaraikan **empat** contoh ujian Allah SWT ke atas manusia, selain “perasaan takut dan gerun kepada musuh”. [ 4 markah ]

( iii ) Jelaskan **dua** hikmat Allah SWT menguji manusia [ 4 markah ]

( b ) Sabda Rasulullah SAW;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ( ص ) كُلُّ سُلَامَى مِنَ النَّاسِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ  
كُلَّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيهِ الشَّمْسُ، تَعْدِلُ بَيْنَ الْإِنْسَانِ صَدَقَةٌ، وَتُعْبَرُ الرَّجُلَ فِي دَابَّتِهِ فَتَحْمِلُهُ عَلَيْهَا  
أَوْ تَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ، وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ، وَبِكُلِّ خُطْوَةٍ تَمْشِيهَا إِلَى الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ،  
وَتُحْمِطُ الْأَدَى عَنِ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ . ( رواه البخاري ومسلم )

Hadis di atas menyatakan tentang amalan bersedekah.

( i ) Senaraikan **empat** kebaikan umat Islam mengutamakan amalan bersedekah dalam kehidupan seharian [ 4 markah ]

- ( ii ) Pengertian kalimah yang bergaris bermaksud “ **perkataan yang baik ialah sedekah**”. Bagaimanakah anda boleh mengamalkan saranan hadis ini berdasarkan maksud kalimah tersebut. [ 2 markah ]

- (c) Tulis perkataan yang bergaris mengikut nombor dalam petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

( i ) Ilmu adalah <u>sesuatu yang amat berharga</u> dan berfaedah.
( ii ) <u>Islam menggalakkan setiap umatnya</u> berusaha mendapatkan ilmu
( iii ) pengetahuan <u>sama ada secara formal</u> atau tidak formal. Kita disarankan
( iv ) mempelajari <u>pelbagai bidang ilmu pengetahuan</u> .

[ 4 markah ]

### Bahagian B

(80 Markah)

Jawab **semua** soalan

3. ( a. ) ( i ) Ilmu akidah merupakan ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap umat Islam.  
Nyatakan **dua** nama lain bagi ilmu akidah. [ 2 markah ]
- ( ii ) Akidah seseorang boleh rosak melalui perkataan, perbuatan dan hati.  
Jelaskan **dua** perbuatan yang boleh merosakkan akidah [ 4 markah ]
- ( b ). ( i.) Malaikat merupakan makhluk istimewa yang diciptakan oleh Allah SWT.  
Nyatakan **dua** sifat malaikat. [ 2 markah ]

( ii ) Jadual di bawah menunjukkan nama – nama malaikat dan tugas – tugasnya.

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Nama Malaikat	Tugas Malaikat
X	Mengambil nyawa
Ridhuan	Y

[ 2 markah ]

( iii ) Jelaskan **dua** kesan beriman kepada malaikat. [ 4 markah ]

c. ( i ) Umat Islam wajib beriman dengan kitab – kitab Allah.  
Jelaskan maksud beriman kepada kitab – kitab Allah. [ 2 markah ]

( ii ) Nyatakan **dua** kelebihan berpegang teguh dengan ajaran Al Quran. [ 4 markah ]

4. a. Bulan Ramadhan adalah bulan yang dipenuhi dengan keberkatan dan keistimewaan

( i ) Nyatakan **dua** keistimewaan bulan Ramadhan [ 4 markah ]

( ii ) Jelaskan **dua** amalan yang diutamakan dalam bulan Ramadhan. [ 2 markah ]

( iii ) Berikan **dua** kelebihan orang yang berpuasa Ramadhan. [ 4 markah ]

b. ( i ) Apakah maksud zakat fitrah ? [ 2 markah ]

( ii ) Nyatakan **dua** golongan yang berhak menerima zakat fitrah. [ 2 markah ]

c. ( i ) Bilakah seseorang itu wajib berwuduk ? [ 2 markah ]

( ii ) Tuliskan **hukum** bagi masalah berikut :-

a. Ali beristinjak menggunakan air embun ketika berkhemah di dalam hutan. [ 1 markah ]

b. Abdul Rahman berjabat tangan dengan Ah Chong dalam keadaan berwuduk. [ 1 markah ]

c. Rokiah mengambil wuduk tanpa membaca Bismillah [ 1 markah ]

d. Disebabkan tidak ada benda – benda kesat yang lain, Muaz beristinjak menggunakan plastik. [ 1 markah ]

5. a. Bilal bin Rabah merupakan hamba kepada Umayyah bin Khalaf.
- ( i ) Apakah tugas yang diberikan oleh Rasulullah kepada beliau setelah dimerdekakan oleh Abu Bakar As - Siddiq ? [ 1 markah ]
- ( ii ) Senaraikan **tiga** bentuk penyeksaan yang diterima oleh Bilal apabila beliau memeluk Islam. [ 3 markah ]
- b. Nyatakan riwayat hidup Saidina Abdul Rahman bin Auf secara ringkas. [ 4 markah ]
- c. Rasulullah SAW telah mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar dalam peristiwa hijrah.
- ( i ) Siapakah yang dimaksudkan dengan golongan Muhajirin? [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** pengorbanan yang telah diberikan oleh golongan Ansar terhadap golongan Muhajirin. [ 4 markah ]

**Soalan 5 ( d ) ( i ) dan Soalan 5 ( d ) ( ii )**

تُولِجُ	قَبْلِكَ	الْحَى	النَّهَارَ	أُنزِلَ	يُوقِنُونَ
---------	----------	--------	------------	---------	------------

Jadual 1

- d. Isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang diberikan dalam jadual 1 di atas. Anda dikehendaki menulis huruf dan jawapan sahaja.

( i )

وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا ( P ) إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ ( Q ) وَبِالْآخِرَةِ هُمَّ ( R )
Surah Al Baqarah : 4

[ 3 markah ]


(ii)

(S) أَلَيْلٌ فِي النَّهَارِ وَتُؤَلِّجُ (T) فِي أَلَيْلٍ وَتُخْرِجُ (U) مِنْ أَلَمِّتِ

Surah Ali – Imran : 27

[ 3 markah ]

6. a. Beradab kepada guru ialah amalan mulia yang amat dituntut oleh islam.



Gambar 1 : Guru sedang mengajar di bilik darjah

- (i) Berikan **dua** ciri pelajar yang beradab dengan guru. [ 2 markah ]
- (ii) Nyatakan **dua** keburukan sikap tidak beradab dengan guru. [ 4 markah ]
- b. Allah SWT telah menentukan tempat – tempat mustajab untuk berdoa. Senaraikan **empat** daripadanya. [ 4 markah ]
- c. Ibadat adalah bukti ketaatan dan ketundukan seseorang hamba kepada Penciptanya.
- (i) Berikan **dua** contoh ibadat sunat. [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah keperluan memelihara adab beribadat, [ 4 markah ]
- (iii) Terangkan **dua** akibat mengabaikan adab beribadat kepada Allah SWT. [ 4 markah ]

**SOALAN TAMAT**

45/1  
Pendidikan Islam  
Peraturan Pemarkahan  
Peperiksaan Akhir Tahun  
2011  
Tingkatan 2  
2 jam



**JABATAN PELAJARAN MELAKA**

---

---

**PERATURAN PEMARKAHAN  
PENDIDIKAN ISLAM**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN  
TINGKATAN DUA**

**2 jam**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA**

---



PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN 2 2011

NO SOALAN			CONTOH JAWAPAN	MARKAH
1	a	i	<p>فُغْرَتَيْنِ كَلِمَةً يَخْبِرُكَ بِهَا</p> <p>( i ) رَحْمَةٌ _ Rahmat/belas kasihan</p> <p>( ii ) الْمُتَوَكِّلِينَ _ Orang yang bertawakal</p>	<p>( 2 isi x 1m ) 2 markah</p> <p>tawakal sahaja tiada markah</p>
		ii	<p><b>empat</b> cara beradab yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW selain bertawakal dalam pelaksanaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Lemah lembut</li> <li>- Pemaaf</li> <li>- Mesyuarat</li> <li>- Memohon keampunan untuk orang lain</li> <li>- Menepati janji</li> <li>- Mengutamakan orang lain</li> <li>- Menerima jemputan dan undangan</li> <li>- Menyimpan rahsia</li> <li>- Ramah mesra</li> <li>- Menghargai sebarang pemberian.</li> </ul>	<p>( 4 isi x 1m ) 4 markah</p>
		iii	<p><b>dua</b> hikmat tawakal dalam pelaksanaan keputusan bersama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berusaha untuk meningkatkan prestasi kerja</li> <li>- Sabar menghadapi kesulitan dalam melaksanakan sesuatu keputusan mesyuarat, dan sentiasa berdoa memohon pertolongan Allah.</li> <li>- Tenang dan tabah menerima kegagalan tanpa menyalahkan orang lain, sebaliknya mengadakan muhasabah bersama untuk mengetahui kelemahan dalam pelaksanaan.</li> <li>- Bersifat tawaduk iaitu merendah diri ketika menerima sesuatu kejayaan.</li> <li>- Bersyukur dan menikmati kejayaan bersama.</li> </ul>	<p>( 2 isi x 2m ) 4 markah</p>
	b	i	<p><b>dua</b> golongan berdasarkan hadis</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengajar / guru / orang yang berilmu / ulama / orang alim / عَالِمًا</li> <li>- Pelajar / murid – murid / penuntut / مُتَعَلِّمًا</li> <li>- Pendengar / مُسْتَمِعًا</li> <li>- Orang yang mencintai ilmu / مُحِبًّا</li> </ul>	<p>( 2 isi x 1m ) 2 markah</p>

		ii	<p><b>dua</b> cara untuk menuntut ilmu agama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menghadiri majlis ilmu</li> <li>- Belajar dengan ustaz / mendampingi ulama</li> <li>- Menyertai program keagamaan yang dianjurkan oleh pihak berwajib.</li> <li>- Membaca buku – buku agama</li> <li>- Membaca majalah berkaitan hal ehwal islam</li> <li>- Melayari internet</li> <li>- Mendengar radio / mp3/ kaset</li> <li>- Menonton program agama / vcd / video / tv</li> <li>- Melalui Al Quran / Hadis</li> <li>- Melalui ibu bapa</li> <li>- Membuat latihan</li> </ul>	( 2 isi x 2m ) 4 markah
		c	<p>Tulisan jawi.</p> <p>اومت إسلام یغ برمرواه / ایاله اومت یغ میلیکی / جاتی دیری دان بر فکغ / تکوه کفد اجرن اسلام.</p> <p>Kaedah pemotongan markah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Satu potongan ayat 1 markah.</li> <li>- Kesalahan lebih daripada separuh potongan ayat, tiada markah.</li> <li>- Huruf cerai tidak diterima.</li> <li>- Jawi kaedah DBP</li> </ul> <input type="checkbox"/>	(4 krtn x 1m ) 4 markah
2	a	i	<p>: فترین کلمة یغ برکاریس</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- الصَّابِرِينَ - Orang yang sabar</li> <li>- مُصِيبَةً - Musibah/ kesusahan /bencana</li> </ul>	( 2 isi x 1m ) 2 markah
		ii	<p><b>Empat</b> contoh ujian Allah SWT ke atas manusia, selain perasaan takut dan gerun kepada musuh.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kelaparan atau kebuluran</li> <li>- Kematian atau kehilangan orang yang disayangi.</li> <li>- Kegawatan ekonomi.</li> <li>- Kekurangan hasil tanaman.</li> </ul>	( 4 isi x 1m ) 4 markah
		iii	<p><b>Dua</b> hikmat Allah SWT menguji manusia :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T</li> <li>- Dapat melahirkan mukmin yang sabar, tabah dan gigih menghadapi cabaran hidup.</li> </ul>	( 2 isi x 2m ) 4 markah

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendidik jiwa menjadi hamba yang redha, bersyukur dan bertawakal kepada Allah S.W.T.</li> <li>- Supaya manusia sentiasa muhasabah diri serta berusaha memperbaiki kelemahan yang lalu.</li> <li>- positif, kreatif dan inovatif dalam kehidupan.</li> <li>- Membezakan umat yang beriman atau sebaliknya.</li> </ul>	
	b	<p>i <b>Empat</b> kebaikan umat Islam mengutamakan amalan bersedekah dalam kehidupan seharian.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T / dapat keberkatan.</li> <li>- Dikasihi dan dihormati dalam keluarga / masyarakat.</li> <li>- Mendapat pahala berterusan selagi sedekah itu dimanfaatkan.</li> <li>- Membentuk sikap penyayang dan prihatin dalam keluarga / masyarakat.</li> <li>- Membantu meringankan beban negara dengan adanya bantuan semasa bencana alam.</li> <li>- Dapat menghidupkan dana yang dapat menampung keperluan negara seperti tabung kanser.</li> <li>- Menyelesaikan masalah ekonomi antara ahli keluarga / masyarakat.</li> </ul> <p>[jawapan munasabah diterima ]</p>	( 4 isi x 1m ) 4 markah
		<p>ii Amalan yang boleh dilaksanakan berdasarkan maksud kalimah yang bergaris.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bercakap dengan sopan dan memberi keselesaan kepada orang lain / mengucapkan salam / ucap tahniah/ ucap takziah.</li> <li>- Tidak mengeluarkan kata – kata yang boleh menyakitkan hati orang lain / tidak mengumpat / tidak memfitnah / tidak mencarut ( contoh : sial, bodoh dan lain – lain diterima )</li> </ul>	( 1 isi x 2m ) 2 markah
	c	<p>Tulisan jawi</p> <p>i- سسواتو يث امت برهرك</p> <p>ii- إسلام مشكالقكن ستياث او متن</p> <p>iii- سام اد سجارا فورمال</p> <p>iv- قلبا كاي بيدغ علمو قعثاهوان</p> <p>Kaedah pemotongan markah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Satu pernyataan 1 markah.</li> <li>- Kesalahan lebih daripada separuh pernyataan, tiada</li> </ul>	( 4 krtn x 1m ) 4 markah

			<p>markah.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Huruf cerai tidak diterima</li> <li>- Jawi kaedah DBP</li> </ul>	
3	a	i	<p>Dua nama lain bagi ilmu Aqidah ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ilmu Tauhid</li> <li>- Ilmu Makrifah</li> <li>- Ilmu Kalam</li> <li>- Ilmu Usuluddin</li> </ul>	( 2 isi x 1 m) 2 markah
		ii	<p>Dua perbuatan yang boleh merosakkan akidah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyembah selain dari Allah</li> <li>- Memakai lambang mana-mana agama seperti salib dan tatu</li> <li>- Menghina al-Quran seperti mengoyak dan memijak</li> <li>- Menyertai upacara agama lain seperti penyembahan berhala</li> </ul>	( 2 isi x 2 m) 4 markah
	b	i	<p>Dua sifat malaikat ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak berjantina</li> <li>- Tidak berkahwin</li> <li>- Tidak makan dan minum</li> <li>- Tidak tidur</li> <li>- Sentiasa beribadat</li> <li>- Taat perintah Allah s.w.t</li> <li>- Diciptakan dari cahaya</li> <li>- Boleh menyerupai dalam pelbagai rupa.</li> <li>- Bersayap</li> <li>- Tidak dapat dikesan oleh pancaindera.</li> </ul>	( 2 isi x 1 m) 2 markah
		ii	<ul style="list-style-type: none"> <li>- X = malaikat Izrail</li> <li>- Y = menjaga pintu syurga</li> </ul>	( 2 isi x 1 m) 2 markah
		iii	<p>Dua kesan beriman kepada malaikat ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Taat perintah Allah</li> <li>- Berdisiplin dalam menunaikan tanggungjawab</li> <li>- Berhati-hati dalam melakukan sesuatu tindakan</li> <li>- Istiqamah dalam ibadat</li> <li>- Rajin dan sabar dalam melakukan sesuatu pekerjaan.</li> </ul>	( 2 isi x 2 m) 4 markah
	c	i	<p>Maksud beriman dengan kitab-kitab Allah s.w.t:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Maksud beriman dengan kitab-kitab Allah ialah percaya serta membenarkan tanpa sebarang keraguan dengan apa yang dikurniakan oleh Allah kepada para rasul.</li> </ul>	( 1 isi x 2 m) 2 markah

		iii	<p>Dua kelebihan berpegang teguh dengan ajaran al-Quran:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sebagai petunjuk dan panduan dalam kehidupan manusia</li> <li>- Mendapat pahala.</li> <li>- Mendapat ketenteraman jiwa</li> <li>- Mendapat hidayah daripada Allah s.w.t</li> <li>- Menjamin keamanan dan kesejahteraan manusia sejagat.</li> <li>- Mendapat pembelaan di Akhirat.</li> </ul>	( 2 isi x 2 m ) 4 markah
4			<p>dua keistimewaan bulan Ramadhan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Terdapat malam Lailatul Qadar</li> <li>- Allah menurunkan Al Quran pada malam Lailatul Qadar</li> <li>- Bulan khusus untuk umat Islam melakukan ibadat puasa dan Solat Tarawih.</li> <li>- Allah mengurniakan ganjaran yang amat besar kepada hambaNya yang berpuasa.</li> </ul>	( 2 isi x 2m ) 4 markah
		ii	<p>dua amalan yang diutamakan dalam bulan Ramadhan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tilawah Al Quran.</li> <li>- Solat Tarawih.</li> <li>- Sedekah.</li> <li>- Qiamullail</li> <li>- Iktikaf di masjid.</li> </ul>	( 2 isi x 1m ) 2 markah
		iii	<p>dua kelebihan orang yang berpuasa Ramadhan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiap – tiap satu kebajikan yang dilakukan akan diberi pahala sepuluh hingga tujuh ratus kali ganda.</li> <li>- Diberi pahala oleh Allah S.W.T</li> <li>- Perisai daripada api neraka.</li> <li>- Bau mulut orang yang berpuasa lebih harum di sisi Allah daripada haruman kasturi.</li> <li>- Doa dimakbulkan.</li> <li>- Dosa yang lalu diampunkan.</li> <li>- Bergembira ketika berbuka puasa.</li> <li>- Masuk Syurga melalui pintu Ar Rayyan</li> </ul>	( 2 isi x 2m ) 4 markah
	b	i	<p>maksud zakat fitrah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Zakat fitrah ialah mengeluarkan makanan asasi sesebuah negara/ kepada golongan tertentu / dengan kadar tertentu /dan syarat – syarat tertentu.</li> </ul>	( 1 isi x 2m ) 2 markah
		ii	<p>dua golongan yang berhak menerima zakat fitrah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Fakir</li> <li>- Miskin</li> <li>- Amil</li> <li>- Muallaf</li> </ul>	( 2 isi x 1m ) 2 markah

			<ul style="list-style-type: none"> <li>- Musafir yang terkandas</li> <li>- Fi Sabilillah / berjuang pada jalan Allah</li> <li>- Orang yang berhutang pada jalan Allah.</li> <li>- Hamba yang dijanjikan merdeka oleh tuannya</li> </ul>	
	c	i	seseorang itu wajib berwuduk : <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hendak mengerjakan solat</li> <li>- Tawaf</li> <li>- Menyentuh / membawa Al quran</li> <li>- Sujud Tilawah</li> <li>- Sujud Syukur</li> <li>- Membaca khutbah Jumaat</li> </ul>	( 2 isi x 1 m ) 2 markah
		ii	hukum bagi masalah : <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Sah</li> <li>b. Tidak batal</li> <li>c. Sah</li> <li>d. Tidak sah / tidak suci</li> </ol>	1 markah 1 markah 1 markah 1 markah
5	a	i	Bilal merupakan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Muazzin / tukang azan/ juru azan/ bilal</li> </ul>	( 1 isi x 1 m ) 1 markah
		ii	Tiga bentuk penyeksaan yang diterima oleh Bilal apabila beliau memeluk Islam: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Diikat kaki dan tangan</li> <li>- Dijemur di tengah padang pasir</li> <li>- Tidak diberi makan dan minum</li> <li>- Diletakkan batu besar di atas perutnya.</li> </ul>	( 3 isi x 1 m ) 3 markah
	b	i	Riwayat hidup saidina Abd. Rahman bin Auf: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Keturunan: Bani Zuhrah</li> <li>- Tarikh lahir: Tahun 580 m @ 10 tahun selepas tahun gajah.</li> <li>- Tempat lahir: Makkah Al Mukarramah</li> <li>- Memeluk Islam melalui saidina Abu Bakar</li> <li>- Jawatan : Menjadi pengerusi majlis Syura semasa pemilihan khalifah yang ke 3.</li> <li>- Tarikh wafat : Tahun 32 H bersamaan tahun 654 M ketika berumur 74 tahun.</li> </ul>	( 4 isi x 1 m ) 4 markah
	c	i	Maksud golongan Muhajirin ialah: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengikut Rasulullah S.A.W yang berhijrah dari Mekah ke Madinah.</li> </ul>	(1 isi x 2 m) 2 markah
		ii	Dua pengorbanan yang telah diberikan oleh golongan Ansar terhadap golongan Muhajirin : <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menghulurkan bantuan harta, tenaga dan tempat</li> </ul>	(2 isi x 2 m) 4 markah

			<p>tinggal kepada Muhajirin.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menawarkan isteri dan anak untuk dikahwini</li> <li>- Memberi perlindungan kepada Muhajirin.</li> <li>- Sama – sama berjuang untuk mempertahankan Islam.</li> </ul>	
	d		<p>Mengisi tempat kosong</p> <p style="text-align: right;">- انزل - قبلك - يوقنون</p> <p style="text-align: right;">- تولج - النهار - الحي</p>	<p>3 markah</p> <p>3 markah</p>
6	a	i	<p>Dua ciri pelajar yang beradab dengan seorang guru:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengucapkan terima kasih setelah guru selesai mengajar</li> <li>- Sedia menerima teguran dan nasihat guru</li> <li>- Mendahulukan memberi salam apabila bertemu</li> <li>- Sentiasa bermanis muka ketika berhadapan dengan guru.</li> <li>- Membantu guru dengan ikhlas</li> <li>- Memberi tumpuan ketika guru mengajar</li> <li>- Menazirahi guru bila mereka sakit</li> </ul>	<p>( 2 isi x 1 m ) 2 markah</p>
		ii	<p>Dua keburukan sikap tidak beradab dengan guru:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ilmu yang dipelajari tidak berkat</li> <li>- Susah mengingati dan mengikuti ajaran guru.</li> <li>- Hidup tidak berkat</li> <li>- Ketinggalan dalam pelajaran.</li> <li>- Rendah budi pekerti</li> <li>- Berakhlak buruk</li> <li>- Tidak dikurniakan hidayah</li> <li>- Tidak dihormati masyarakat</li> </ul>	<p>( 2 isi x 2 m ) 4 markah</p>
	b		<p>Empat tempat mustajab untuk berdoa:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Di hadapan Kaabah</li> <li>- Di padang Arafah</li> <li>- Di dalam masjid terutama masjidil Haram</li> <li>- Di Raudhah/ Masjid Nabi SAW</li> <li>- Di multazam</li> <li>- Di dalam peperangan menentang musuh</li> </ul>	<p>( 4 isi x 1 m ) 4 markah</p>
	c	i	<p>Dua contoh ibadat sunat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sedekah</li> <li>- Puasa hari isnin dan khamis</li> <li>- Zikir</li> </ul>	<p>( 2 isi x 1 m ) 2 markah</p>

			<ul style="list-style-type: none"> <li>- Membaca al quran</li> <li>- Mendirikan solat-solat sunat</li> </ul>	
		ii	<p>Dua hikmah keperluan memelihara adab beribadat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memdat ketenangan jiwa</li> <li>- Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t</li> <li>- Wujud masyarakat yang saling hormat menghormati</li> <li>- Memiliki keupayaan untuk menjauhkan diri daripada kemungkaran</li> <li>- Melahirkan anggota masyarakat yang jujur dan bertanggungjawab</li> <li>- Mempertingkatkan pencapaian keperibadian muslim</li> </ul>	( 2 isi x 2 m) 4 markah
	c	iii	<p>Dua akibat mengabaikan adab beribadat kepada Allah s.w.t.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <u>Ibadat yang dikerjakan tidak sempurna</u> ( 1m ) kerana tidak khusyuk ketika melakukannya ( 1m )</li> <li>- <u>Jauh dari rahmat Allah</u> ( 1m ) kerana tidak melakukannya dengan ikhlas ( 1m )</li> <li>- <u>Dihina oleh masyarakat</u> ( 1m ) kerana tidak beradab ketika beribadat ( 1m )</li> <li>- <u>Kehidupan tidak tenang</u> ( 1m ) kerana ibadat yang dilakukan tidak diterima oleh Allah s.w.t( 1m )</li> <li>- <u>Mudah terpedaya dengan perbuatan mungkar</u> (1m) kerana ibadat yang dibuat tidak memberi kesan dalam dirinya ( 1m )</li> </ul>	( 2 isi x 2 m) 4 markah  Jawapan calon mesti ada isi dan huraian  isi – 1 m huraian – 1 m  ayat bergaris adalah isi.

## PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT